

# OBJEKTIF

- 1 Memahami dan mengenalpasti aspek-aspek penting di dalam menjayakan sesuatu acara atau majlis.
- 2 Mempelajari dan menambah pengetahuan lebih mendalam berkaitan komunikasi serta tatacara etiket dan protokol di dalam pengurusan acara sama ada di peringkat organisasi, negeri, kebangsaan ataupun antarabangsa.
- 3 Menyalurkan maklumat dan perkongsian idea serta pengalaman sebenar oleh para penceramah.
- 4 Mengetahui amalan-amalan terbaik di dalam menguruskan publisiti, pemasaran dan mencari penajaan ataupun alternatif bantuan kewangan.
- 5 Mengenalpasti kesilapan yang sering berlaku semasa mengurus dan mengendalikan majlis.
- 6 Mengetahui tips menjadi pengacara yang hebat agar dapat menukar imej majlis menjadi lebih berprestij.

# SASARAN PESERTA

- Pegawai Pengurusan Profesional & Sokongan di Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun kerajaan.
- Pengurus, Eksekutif dan Staf Organisasi Swasta, Pertubuhan, Persatuan, Kelab dan Badan-badan Sukarela (NGO).
- Pengacara majlis dan Pengurus Acara Majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi.
- Sesiaapa yang berminat dan terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di dalam mengendalikan serta menambah pengetahuan mengenai pengurusan majlis dan protokol.

# TENTATIF PROGRAM

## HARI PERTAMA: 4 OKTOBER 2012 (Khamis)

- 3.00ptg – 5.00ptg : Daftar masuk hotel di kaunter  
5.00ptg – 6.00ptg : Pendaftaran peserta seminar di lobi ballroom / minum petang  
6.00ptg – 8.15mlm : Aktiviti bebas / Makan malam di Café Para Para  
8.15mlm – 8.30mlm : Pembukaan & Taklimat Seminar oleh Urusetia  
8.30mlm – 10.30mlm : Sesi 1: Aspek Perancangan & Pengurusan Majlis oleh Puan Nor Azizah Ismail, Timbalan Pendaftar, UTM  
10.30mlm – 11.00mlm : Kudapan / Rehat / Tidur

## HARI KEDUA: 5 OKTOBER 2012 (Jumaat)

- 7.00pg – 8.00pg : Sarapan  
8.00pg – 10.00pg : Sesi 2: Aspek Publisiti, Pemasaran, Penajaan & Alternatif Kewangan oleh Dr. Samsuddin Wahab, Pensyarah Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat, UiTM Puncak Alam  
10.00pg – 10.15pg : Minum pagi  
10.15pg – 12.15tgh : Sesi 3: Aspek Etiket & Protokol  
Oleh YBhg. Dato' Abdul Rahim Ramli, Setiausaha Jumaah Majlis Diraja Johor merangkap Dato' Penghulu Istiadat Istana Johor  
12.15tgh – 2.45ptg : Makan tengahari / Solat Jumaat / Rehat  
2.45ptg – 4.45ptg : Sesi 4: Aspek Pengacaraan Majlis Rasmi & Tidak Rasmi  
Oleh Encik Mohamad Jais bin Mohd Jamil, Pengajar Ko-kurikulum UTM  
4.45ptg – 5.15ptg : Minum petang / Aktiviti bebas  
5.15ptg – 8.15mlm : Persiapan Majlis Makan Malam  
8.15mlm – 11.00mlm : Majlis Makan Malam Istimewa Bersama Artis Jemputan  
Penyampaian Sijil oleh Prof. Dr. Azlan Abdul Rahman, Pengarah Hal Ehwal Korporat, UTM  
: Sesi Bergambar Kenangan

## HARI KETIGA: 6 OKTOBER 2012 (Sabtu)

- 7.00pg – 8.00pg : Sarapan  
8.00pg – 12.00tgh : Lawatan ke Iskandar Malaysia (Nusajaya, Puteri Harbour, Legoland & Johor Premium Outlet (JPO)  
12.00tgh – 12.30tgh : Perjalanan pulang ke hotel / Daftar keluar hotel / Bersurai

# BARISAN PENCERAMAH

Puan Nor Azizah Ismail

Timbalan Pendaftar, UTM

(Aspek Perancangan & Pengurusan Majlis)



Berpengalaman bertugas di UTM selama 19 tahun sebagai Pegawai Tadbir di beberapa jabatan. Sebelum bekerja di UTM, beliau pernah bertugas di beberapa syarikat media sebagai wartawan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sebaran Am (Kewartawanan) daripada Institut Teknologi Mara yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA. Kini sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana di Universiti Teknologi Malaysia. Sepanjang bertugas di UTM, beliau banyak terlibat dalam menulis teks ucapan untuk majlis-majlis utama universiti di samping tugas sebenar. Berpengalaman sebagai Pegawai Perhubungan Awam di UTM selama tiga tahun dan berpengalaman mengendalikan majlis utama universiti yang melibatkan kenamaan negara. Antaranya melibatkan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor UTM, YAB Perdana Menteri Malaysia, Menteri-menteri, duta asing dan kenamaan lain. Beliau juga bertindak sebagai *event manager* yang bertanggungjawab mengurus majlis ini bermula daripada merangka gerak kerja majlis, tema majlis, persiapan dan perjalanan majlis ini.



Dr. Samsuddin Wahab

Pensyarah Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat, UiTM serta penulis buku "Mengurus Majlis dan Acara Rasmi", "Panduan Protokol dan Tata tertib Majlis" (Aspek Publisiti, Pemasaran, Penajaan & Alternatif Kewangan)

Pensyarah di Fakulti Pengurusan & Teknologi Pejabat, UiTM Puncak Alam ini memperolehi Sarjana Kedoktorannya daripada Universiti Utara Malaysia. Dia merupakan penulis buku yang proflik sejak tahun 1993 dan banyak menghasilkan buku-buku sebagai rujukan di dalam bidang pengurusan acara, seminar/persidangan, etiket dan protokol serta bagaimana menjadi pekerja cemerlang. Selain itu, beliau banyak menjalankan penyelidikan di dalam bidang Pengurusan Pelanggan (CRM), Pemasaran, Pengurusan Perniagaan dan Pengurusan Teknologi Pejabat yang sangat berkaitrapat dengan bidang kepakarnya.



YBhg. Dato' Abdul Rahim Ramli  
Setiausaha Jumaah Majlis Diraja Johor  
merangkap Dato' Penghulu Istiadat Istana Johor  
(Aspek Etiket dan Protokol)



Setiausaha Jumaah Majlis Diraja Johor merangkap Dato' Penghulu Istiadat Istana Johor dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Tanjung Puteri Golf Resort ini menerima Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) dari Universiti Malaya. Berpengalaman luas di dalam bidang perkhidmatan awam dan mengendalikan pelbagai acara penting termasuk tatacara etiket serta protokol bagi kerajaan dan keluarga Diraja Johor. Penulis buku 'Sejarah Adat Istiadat Diraja Johor' yang mengupas secara mendalam berkaitan kesultanan dan adat istiadat diraja Johor. Bekas Setiausaha Negeri Johor ini turut terlibat di dalam merancang, melaksana dan menyelaras projek-projek sosio-ekonomi. Selain itu, beliau juga terlibat dalam perundingan dengan kerajaan Singapura berkaitan isu bekalan air dan sempadan maritim serta Bank Dunia dalam merencana pembangunan Johor Barat. Kini, beliau bertanggungjawab menjadikan Tanjung Puteri Resort yang bertaraf 4 bintang di Pasir Gudang sebagai destinasi pelancongan terkemuka terutama dalam sukan golf dan aktiviti rekreasi yang menawarkan perkhidmatan mesra pelanggan.



Encik Mohamad Jais bin Mohd Jamil

Pengajar Ko-kurikulum UTM  
(Aspek Pengacaraan Majlis Rasmi & Tidak Rasmi)



Beliau merupakan Pengajar Ko-kurikulum UTM bagi subjek Penampilan Diri, Etiket serta Protokol dan Pengacaraan Majlis. Mempunyai pengalaman luas selama lebih 15 tahun sebagai Pengacara Majlis Rasmi serta pelbagai majlis yang melibatkan organisasi kerajaan dan korporat. Beliau juga memiliki Sijil Profesional dalam bidang Pengacaraan Majlis dari Yayasan Badan Berkanun. Di sepanjang penglibatannya, beliau telah mengacara pelbagai majlis yang melibatkan para pembesar negara, seperti Yang Dipertuan Agong, Sultan/Sultana, Raja Muda / Tunku Mahkota, Perdana Menteri, Menteri Besar dan Menteri-menteri Kabinet. Bertindak sebagai fasilitator yang turut mengendalikan dan menyediakan modul Kursus Pengacaraan Majlis bagi pelbagai organisasi seperti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Industri Selangor, Positive Event, Avail Beauty dan sebagainya. Beliau juga berbakat di dalam bidang penulisan skrip selain suara emasnya turut dirakamkan sebagai suara latar pelbagai produksi korporat dan kerajaan.